



Penduduk, Mohamad Azrul Zulkifli menunjukkan **sisa pembinaan** yang ditimbunkan di tebing sungai Serai Batu 11, Hulu Langat didakwa untuk menghalang limpahan air.

[FOTO MUHD ASYRAF SYAWAL / BH]



Mahu tebing sungai ditambak

» *Elak air melimpah, kejadian banjir kilat berulang*

menyebabkan aras sungai menjadi cetek sekali gus menjadi punca air melimpah sehingga membanjiri kawasan sekitar.

Penduduk yang menghantar e-mel kepada BH Sentral, mendakwa longgokan batu itu adalah hasil pembuangan sampah secara haram oleh pihak tidak bertanggungjawab sejak dua bulan lalu.

Serik banjir kilat

"Kami melaporkan perkara ini kepada pihak akhbar supaya dapat dikemukakan segera kepada pihak berkuasa. Kami tidak mahu perka-

“Ini bukan longgokan sampah tapi **lebih pembinaan yang saya beli sendiri** bagi meninggikan tebing sungai”

Amran Buyong,
Penduduk

ra ini berlarutan kerana serik dengan banjir kilat terburuk yang berlaku awal tahun ini,” katanya.

Tinjauan BH Sentral di kawasan terbabit mendapati ia adalah sisa pembinaan yang dilonggokkan seorang penduduk yang tinggal bersebelahan tebing sungai itu.

Penduduk, Amran Buyong, 50,

mengaku melonggokkan sisa pembinaan di tebing sungai berkenaan bagi meninggikan paras tebing sekali gus menghalang air sungai melimpah ke kawasan rumah ketika hujan lebat.

“Ini bukan longgokan sampah

tetapi lebih pembinaan yang saya beli sendiri dengan kos mencecah lebih RM10,000 daripada pemaju. Tujuan saya untuk meninggikan tebing sungai yang runtuh akibat banjir teruk pada Mac lalu, selain mengelakkan banjir yang sering melanda kawasan perumahan kami.

“Tidak mungkin saya hendak mencemari sungai ini kerana saya sedar ia sumber minuman kita. Saya pilih sendiri bahannya demi memastikan ia tidak mencemari sungai,” katanya yang ditemui di rumahnya.

Kecewa JPS tiada peruntukan

Amran berkata, beliau pernah memohon kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk meninggikan tebing sungai berkenaan tetapi kecewa apabila JPS mendakwa sehingga kini, tiada peruntukan untuk kerja berkenaan.

“Saya dan keluarga tidak sanggup lagi berdepan masalah banjir. Hasil pemerhatian saya, menambak tebing sungai ini juga dilakukan di tebing sungai Batu 16 dan 17 bagi mengelakkan air melimpah.

“Setakat ini, tambakan hasil lebih pembinaan ini tidak jatuh ke dalam sungai sebaliknya berkesan mencegah banjir. Sekurangnya air tidak melimpah banyak ketika hujan lebat,” katanya.

Penduduk perlu pantau sendiri

Jurucakap Pejabat Daerah Hulu Langat memaklumkan tiada sebarang permohonan diterima daripada penduduk untuk menambak tebing sungai berkenaan seperti didakwa.

Tiada permohonan

“Berdasarkan rekod, tiada permohonan dibuat tetapi JPS tidak menghalang penduduk menambak sendiri tebing secara sementara bagi menyelamatkan harta mereka daripada banjir.

“Penduduk perlu membuat pengawasan sendiri ke atas tebing yang ditambak itu”

“Penduduk perlu membuat pengawasan sendiri ke atas tebing yang ditambak itu”

Jurucakap
Pejabat Daerah
Hulu Langat

Oleh Halina Mohd Noor
halina@bharian.com.my

► **Hulu Langat**

Longgokan batu, pasir dan kayu di tebing Sungai Langat, Batu 11 3/4 boleh menyebabkan paras air sungai cetek dan berisiko banjir teruk.

Longgokan bahan terbuang itu dikhuatiri terjatuh ke dalam sungai